

**WARGA UMPSA mengibarkan bendera Jalur Gemilang, Pahang dan universiti berkenaan di puncak Gunung Kinabalu.**



## UMPSA tawan puncak Kinabalu kali ke-3

Kampus



Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

**P**ASUKAN pendaki Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) sekali lagi melakar sejarah apabila selamat tiba dalam misi menawan puncak Gunung Kinabalu, Sabah tepat pukul 6.30 pagi pada 19 September lalu.

Pendakian selama hampir 24 jam ke puncak tertinggi di Asia Tenggara itu diakhiri dengan kibaran Jalur Gemilang, bendera Pahang dan bendera UMPSA bersempena Hari Malaysia ke-60 dan ulang tahun UMPSA ke-21.

Kumpulan pendaki yang diketuai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Ts. Dr. Mohd. Ruslim Mohamed itu selamat tiba di Timpohon Gate pada pukul 2 petang.

Lain-lain pendaki terdiri daripada pelajar UMPSA, Muhammad Daniyal Burhanuddin, Muwira Mahadir, Muvieanraj Anantakumar, Yap Wan Er dan Muhammad Hanif Sulhan Hazman.

Turut sama dalam ekspedisi itu ialah Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan UMP, Datuk Ts. Izwan Hasli Mohd. Ibrahim dan alumni UMPSA, Mohamad Azrul Adnan.

Menurut Mohd. Ruslim, pendakian tersebut merupakan pengalaman pertama buat kebanyakan pendaki.

"Kita dapat lihat, semangat juang dan kecekalan yang tinggi membolehkan mereka berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu.

"Ini satu kejayaan dan kebanggaan, walaupun kita terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran.

"Antara halangan yang terpaksa ditempuhi termasuklah meredah hujan, laluan curam yang tinggi serta keadaan suhu terlalu rendah," katanya.



SEBAHAGIAN warga UMPSA yang terlibat dalam misi menawan puncak Gunung Kinabalu, Sabah baru-baru ini.



YUSERRIE (kiri) bersama Abdul Aziz (dua dari kiri) sewaktu melancarkan ekspedisi menawan Gunung Kinabalu.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah UMPSA, Tan Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada

semua pendaki yang telah menamatkan ekspedisi tersebut dengan jayanya.

Ujarnya, ekspedisi itu merupakan satu pengalaman pendakian yang unik

buat mereka, sekali gus dapat membawa nama universiti ke puncak gunung berkenaan.

Katanya, pada masa sama, ia bertepatan dengan agenda universiti untuk mengukuhkan serta meningkatkan keterlihatan jenama UMPSA di peringkat negara serta global.

"Misi utama pendakian gunung setinggi 4,095 meter ini bersempena Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia yang kita raikan pada tahun ini.

"Lebih bermakna apabila ia merupakan misi pertama UMPSA setelah penjenamaan universiti pada 30 Julai lalu, sekali gus mencatatkan sejarah tersendiri buat institusi pendakian ini," tuturnya.

Sementara itu, Naib Canselor UMPSA, Prof. Datuk Ts. Dr. Yuserrrie Zainuddin dalam satu kenyataan berkata, kejayaan itu pastinya memberikan semangat buat warga universiti melestarikan kecemerlangan pada masa akan datang.

Katanya, ekspedisi pendakian pada tahun ini merupakan misi dan kejayaan kali ketiga selepas berjaya menawan puncak tersebut pada tahun 2012 dan 2017.